

**SOALAN NO: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

**TARIKH: 3 NOVEMBER 2015**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah orang yang terbunuh atau cedera di tapak pembinaan dan tempat-tempat kerja dari tahun 2010 hingga 2015, punca-punca kemalangan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan.

PR-1333- L69751

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) adalah komited dalam usaha-usaha untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca

daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor termasuklah sektor pembinaan.

### **Punca-punca Utama Kemalangan Di Tapak-Tapak Pembinaan**

2. Antara punca-punca yang dikenalpasti menyumbang kepada kemalangan industri di tapak bina ialah :

- i) Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan yang tidak berkesan;
- ii) Tiada penilaian terhadap hazard dan risiko secara menyeluruh;
- iii) Latihan yang tidak mencukupi kepada pekerja terutamanya pekerja asing;
- iv) Kurang pemantauan terhadap pelaksanaan Prosedur Kerja Selamat (*Safe Operating Procedure*) oleh kontraktor;
- v) Kurang kawalan dan pemantauan oleh kontraktor utama ke atas sub-kontraktor bagi aktiviti yang mempunyai hazard dan risiko yang tinggi.

### **Langkah-Langkah Yang Diambil Untuk Mengurangkan Kemalangan Terhadap Para Pekerja Buruh Binaan**

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah dan sedang melaksanakan pelbagai pendekatan bagi mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Di antara langkah – langkah yang diambil oleh JKKP untuk mengurangkan kemalangan terhadap para pekerja buruh binaan di tapak pembinaan adalah:

- i. Menjalankan pendaftaran dan pemeriksaan berkala terhadap tapak-tapak bina.** Pemeriksaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) ini termasuklah elemen-elemen kebajikan pekerja di tapak bina seperti kebersihan dan kekemasan (*housekeeping*) tapak bina; kemudahan tandas; peti pertolongan cemas; bilik rawatan; air minuman untuk pekerja; bilik rehat untuk pekerja perempuan; semakan rekod pemeriksaan kesihatan pekerja; pakaian dan alat pelindung diri (*personal protective equipment*) yang mencukupi kepada pekerja buruh binaan. Sehingga bulan September 2015, sebanyak tiga ribu empat puluh dua (3,042) jumlah pendaftaran tapak bina dan tujuh ribu lapan ratus tiga puluh satu (7,831) jumlah pemeriksaan di sektor pembinaan telah dijalankan oleh JKKP;
- ii. Mengambil tindakan punitif dan undang-undang bagi majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).** Sehingga September 2015 sebanyak lima ribu tiga ratus empat puluh (5,340) jumlah tindakan perundangan telah diambil oleh JKKP ke atas sektor pembinaan merangkumi notis, kompaun dan kes pendakwaan di mahkamah;
- iii. Menjalankan pemeriksaan tapak bina secara mengejut yang dilakukan oleh pegawai JKKP bagi setiap bulan;**

- iv. Menjalankan **operasi tapak bina** di seluruh Malaysia di mana JKPP negeri menjalankan pemeriksaan terhadap semua tapak bina termasuklah yang dikenalpasti tidak berdaftar dengan JKPP. Antara penekanan yang diberi adalah mengenai kebersihan tapak binaan serta kekemasan (*housekeeping*) yang akan menyumbang ke arah mencegah dan membasmi sumber – sumber berpotensi pembiakan nyamuk Aedes;
  
- v. Mengadakan **taklimat keselamatan dan kesihatan pekerja** di sektor pembinaan bagi memberi penerangan dan pengetahuan terhadap isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja;
  
- vi. Menjalankan **aktiviti-aktiviti promosi dan galakan** secara berterusan seperti kempen keselamatan dan kesihatan, Minggu Keselamatan dan Kesihatan peringkat nasional, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, dialog, media massa dan elektronik bagi memberi kesedaran terhadap isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja;
  
- vii. Memberi **pengiktirafan** ke atas syarikat-syarikat yang mempunyai Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KPP) yang terbaik seperti Anugerah

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Kebangsaan yang dibuat setiap tahun di bawah Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

### **Jumlah Kemalangan Di Tapak Pembinaan**

Tuan Yang Di Pertua,

4. Hasil daripada langkah berterusan tersebut, kemalangan maut dan kecederaan berkurangan daripada seratus dua puluh (120) kes pada tahun 2010 kepada lapan puluh tiga (83) kes pada tahun ini sehingga bulan September 2015.